



15 JUL, 2020

KPDNHEP Sarikei tingkat pemantauan harga ayam

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

KPDNHEP Sarikei tingkat pemantauan harga ayam

EARL ANEK

SARIKEI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei sentiasa meningkatkan pemantauan dan pemeriksaan terhadap harga jualan ayam di Bahagian Sarikei terutama di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai beli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya.

Ketua KPDNHEP Sarikei, Mohamad Zawawi berkata, pemantauan harga oleh Pegawai Pemantau Harga, Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN) KPDNHEP Sarikei mendapati harga jualan ayam bersih standard untuk berat 1 kilogram (kg) bagi tempoh Januari hingga Julai 2020 dan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga tempoh PKPP (Pemulihan) harga ayam ialah RM6.90 hingga RM9.00.

"Harga tersebut adalah pada aras normal dan tidak menunjukkan sebarang kenaikan.

"Semasa pemantauan harga pada 14 Julai (Selasa), mendapati pasar raya-pasar raya di Sarikei menjual harga ayam bersih standard diantara RM6.89 hingga RM6.99 untuk 1kg," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi satu kenyataan media, petang semalam.

Katanya, terdapat dua buah pasar raya juga Pasar raya menjual ayam bersih standard dengan harga bawah aras normal iaitu RM6.89 dan RM6.90 untuk 1kg.

"Sekiranya didapati peniaga menaikkan harga yang tidak munasabah dan melebihi paras margin keuntungan, tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 14, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu mana-mana orang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, mencajut dalam menjual atau menawarkan untuk menjual dan membekal apa-apa barang atau perkhidmatan dan jika disabitkan kesalahan



PEGAWAI Pemantau Harga dari KPDNHEP Sarikei menjalankan pemeriksaan harga ayam di salah sebuah pasar raya, semalam.

individu boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya manakala bagi Syarikat atau Pertubuhan Perbadanan boleh didenda sehingga RM500,000.

"Sekiranya didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang dibawah KPDNHEP, aduan boleh disalurkan kepada Kementerian melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau Portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian Whatsapp 019-2794317 atau menghubungi pejabat KPDNHEP Sarikei di talian 084-657751 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat kementerian yang berhampiran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil," ujarnya.



15 JUL, 2020

KPDNHEP Sarikei tingkat pemantauan harga ayam

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SARIKEI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei sentiasa meningkatkan pemantauan dan pemeriksaan terhadap harga jualan ayam di Bahagian Sarikei terutama di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai beli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya.